

20 SEP 1999

Mahathir-Anwar

ANWAR PENGHASUT NOMBOR SATU, KATA DR MAHATHIR

KANGAR, 20 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan bekas timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai penghasut nombor satu yang tidak bertanggungjawab.

Beliau berkata Anwar pintar membakar semangat penyokongnya dengan menggunakan alasan-alasan yang palsu supaya mereka merusuh.

"Tabiat 1974 Anwar itu belum hilang lagi," katanya pada majlis Pemimpin Bersama Rakyat di Stadium Utama, di sini malam ini.

Pada 1974, Anwar menghasut penuntut supaya merusuh kononnya atas alasan ada seorang budak di Baling, Kedah mati kebuluran sedangkan dakwaan itu tidak betul sama sekali, katanya.

Kali ini, dia menghasut penyokongnya supaya merusuh dengan alasan kononnya beliau diracuni pula, kata beliau.

"Anwar penghasut nombor satu. Dia sendiri lari tapi suruh orang lain terima balasan ekoran hasutannya itu," katanya.

Anwar juga sebelum ini menghasut penyokongnya merusuh dengan memecahkan tingkap ibu pejabat Umno di ibu negara dan membakar rumah kediaman rasmi Perdana Menteri, kata Dr Mahathir.

Semalam, ribuan penyokong Anwar merusuh di Masjid Negara dan mencederakan tiga anggota polis yang bertugas.

Perdana Menteri menyifatkan tindakan parti pembangkang menggunakan masjid untuk memaki kerajaan dan polis serta mencederakan polis sebagai mengotorkan rumah suci itu.

Beliau berkata kumpulan berkenaan tidak lagi menghormati masjid sebaliknya masjid dijadikan pentas politik mereka untuk maki hamun dan baling batu pada polis.

Pemimpin Keadilan termasuk Anwar mendakwa kononnya hendak melihat pemerintahan mengikut undang-undang di negara ini tetapi mereka sendiri mencabul undang-undang dengan mengadakan rusuhan di Kuala Lumpur, katanya.

Dr Mahathir berkata mereka tidak menghormati undang-undang dan bagi mereka polis yang berkorban menjaga keamanan negara selama ini hanyalah untuk dibaling batu dan dipukul serta motosikal mereka dibakar.

"Adakah adil tindakan mereka," tanya Perdana Menteri.

Tindakan mereka itu, katanya, juga tidak adil kerana menyusahkan para peniaga serta menjejaskan pendapatan mereka yang terpaksa memberhentikan perniagaan akibat bimbang dengan keadaan tidak stabil itu.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi Barisan Nasional turut menegur penyokong PAS kerana terlalu taksuf kepada parti dan pemimpin mereka walaupun mereka secara terang-terang membuat kesilapan.

Dr Mahathir menyifatkan keadaan PAS sekarang sama dengan puak Assabiah kerana pengikutnya tidak dapat membezakan antara perkara yang benar dan tidak benar akibat terlalu taksuf kepada pemimpin.

Sebagai contoh, beliau berkata penyokong Pas masih menyanjung pemimpin mereka walaupun mereka sanggup bekerjasama dengan syaitan dan menghina Tuhan kononnya Tuhan mencarut.

"Tok guru jadi Rasul pada mereka. Tidak salah walaupun bersalah. Mereka dah terbabas. Bertaubatlah.

"Gugurkan mereka dan ambil yang jernih. Yang jernih Umno dan yang kotor PAS," katanya.

Dr Mahathir seterusnya meminta rakyat membandingkan pencapaian di antara Barisan Nasional (dahulu Perikatan) dengan parti pembangkang.

Beliau berkata parti pembangkang tidak membawa apa jua pembangunan dan

kejayaan kepada negara.

Pemerintahan BN adalah jauh lebih cekap daripada pembangkang dan ini terbukti apabila keadaan Kelantan dan Sabah diperintah oleh pembangkang berbanding dengan negeri-negeri lain yang diperintah oleh BN.

Dr Mahathir berkata kejayaan Datuk Onn Jaafar dalam menyatukan rakyat negara ini serta BN (dahulunya Perikatan) sejak zaman Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak dan Tun Hussein Onn dalam mencapai kemerdekaan dan membangunkan negara disebabkan oleh sokongan padu rakyat kepada kerajaan.

Kira-kira 50,000 rakyat menyertai perhimpunan itu.

Perdana Menteri adalah dalam rangka lawatan dua hari ke negeri ini. Perlis merupakan hentian terakhirnya dalam siri lawatan ke seluruh negara.

-- BERNAMA

TEAM jm rhm